



ANWAR Ibrahim (tengah) bergambar bersama sebahagian peserta yang menghadiri Majlis Sambutan Jubli Emas Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di Bangi, Selangor, semalam. Turut kelihatan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Presiden NUTP, Aminudin Awang. - MINGGUAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Guru bermasalah tidak naik gred

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

BANGI: Pengecualian kenaikan gred secara automatik (*time-based*) perlu dikenakan terhadap warga pendidik yang mempunyai masalah disiplin dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan menerima prinsip kenaikan pangkat mengikut waktu tetapi tidak semua warga pendidik boleh menikmatinya terutama golongan guru bermasalah.

Beliau berkata, terdapat segelintir guru yang bermasalah sehingga mencemarkan nama baik profesion tersebut.

"Kalau disiplinnya lemah, dalam setahun banyak hari tidak pergi ke sekolah. Saya nak batalkan (kenaikan gred tersebut). Kenaikan pangkat automatik daripada prinsipnya (dibenarkan) tetapi dikecualikan bagi yang cuai atau melanggar disiplin," katanya

semasa berucap pada Majlis Sambutan Jubli Emas Penubuhan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, skim gaji perkhidmatan awam akan diumumkan dalam masa terdekat dan dimuktamadkan semasa pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober ini.

Beliau berharap penambahan skim gaji itu turut meningkatkan khidmat penjawat awam.

"Saya tumpu soal skim perkhidmatan kerana ia adalah skim yang besar, mencecah lebih RM10 bilion setahun. Saya harap dengan ini ada perubahan, maknanya sebaik sahaja kita melancarkan program ini dan umum untuk pelaksanaan untuk Disember ini. Saya (nak) tengok mutu pendidikan (serta) khidmat ada perubahan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri memberi jaminan Sistem

Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang bakal diumumkan kelak adalah antara yang terbaik diperkenalkan kerajaan.

Katanya, beliau dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mencari jalan bagi memastikan perkara tersebut dapat direalisasikan walaupun kerajaan menanggung hutang mencecah RM1.5 trilion

"(Mengenai) skim pelarasan gaji perkhidmatan awam, ada beberapa pihak kritik, ada ahli ekonomi kata Anwar tidak praktikal (dan) dia nak popular (kerana) walaupun wang tidak ada, dia (tetap) nak naikkan juga.

"Ada satu pihak lagi (mengatakan) tidak mungkin berlaku. Saya nak pastikan bila saya umum itu, sebaik mungkin segala kelompongan dapat diperbaiki," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, penguasaan bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan dalam kalangan rakyat bagi melonjakkan ekonomi dan pertumbuhan negara.